

17 JUL 1998

PRESIDEN ERITREA PULANG SELEPAS LAWATAN DUA HARI

KUALA LUMPUR, 17 Julai (Bernama) -- Presiden Eritrea, Isaias Afwerki berlepas pulang malam ini selepas lawatan dua hari bertujuan memperkukuhkan hubungan dua hala.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman, Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Leo Michael Toyad dan beberapa pegawai kanan kerajaan berada di Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang untuk mengucapkan selamat jalan kepada beliau.

Sebelum itu, Afwerki melakukan kunjungan perpisahan terhadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar di Istana Negara.

Pagi tadi, delegasi dari negara benua Afrika itu mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan menandatangani perjanjian ekonomi, saintifik, teknikal dan budaya antara kedua-dua negara.

Semasa persidangan berita di akhir lawatannya, Afwerki berkata peluang-peluang kerjasama masih wujud di beberapa sektor seperti industri perkhidmatan, pengangkutan, komunikasi, perikanan, kebudayaan, pelancongan, perkilangan dan juga industri tekstil dan kulit.

-- BERNAMA

AFY PR